

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, May 3, 2018 11:22 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Pensyarah UUM Dahului 114 Pesaing Dalam iCompEx'18



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

3 MEI 2018 / 17 SYAABAN 1439H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

PENSYARAH UUM DAHULUI 114 PESAING DALAM ICOMPEX'18



UUM ONLINE: Produk penyelidikan Universiti Utara Malaysia (UUM), *Multiple Intelligences & Thinking Skills Activity Flip Module* berjaya merangkul pingat emas dan hadiah inovasi

terbaik pada Pertandingan Inovasi dan Pameran Peringkat Kebangsaan 2018 (iCompEx'18) di Dewan Wawasan Jitra Kedah.

Kemenangan itu melayakkan Felo penyelidik Institute of Excellence Teachers & Leaders in Education, Dr. Nurulwahida Azid @ Aziz membawa pulang cek bernilai RM700 dan Piala Kristal selepas mendahului 114 pesaing bagi kluster pengajaran dan pembelajaran daripada pelbagai jabatan serta institusi pengajian seluruh negara.

"Multiple Intelligences & Thinking Skills Activities Flip Module merupakan *interactive pedagogic tool* yang dibangunkan untuk merangsang tujuh jenis kecerdasan pelbagai di samping mengasah kemahiran berfikir analitikal, kreatif, praktikal serta kemahiran menyelesaikan masalah.

"Ketiga-tiga variabel diukur melalui aktiviti penyelesaian masalah berdasarkan hasil pembelajaran yang dinyatakan dengan jelas bagi setiap unit," ujarnya pada anjuran Polimas, Kedah.

Tambahnya, aplikasi ini mengandungi tujuh unit yang mewakili tujuh jenis kecerdasan pelbagai dan tiga sub unit yang mewakili tiga jenis kemahiran berfikir.

Setiap aktiviti yang dibangunkan berlandaskan *Multiple Intelligences Theory* (Gardner, 1983), *Successful Intelligences Theory* (Sternberg, 1985) dan *Problem Solving Inventory* (Soliman, 2014).

Aktiviti penyelesaian masalah yang dibangunkan berdasarkan kecerdasan verbal linguistik, logik matematik, ruang visual, kinestetik, muzik, interpersonal dan intrapersonal.

Aktiviti penyelesaian masalah melibatkan kemahiran penulisan dan berfikir secara analitikal, kreatif dan praktikal yang boleh diselesaikan secara individu dan berkumpulan.

Aktiviti disusun berdasarkan *constructive allignment* dan *outcomes based education* yang mengukur hasil pembelajaran, aktiviti pembelajaran, bahan yang diperlukan, maklum balas aktiviti dan kesimpulan secara sistematik.

Aplikasi dibangunkan menggunakan *Flip PDF Professionals Application* berdasarkan Model ADDIE (Branch, 2005). Model ADDIE melibatkan lima fasa iaitu analisis, reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan dan penilaian.

Hasil kajian secara *mixed method* di dua MRSM, tiga rumah anak yatim di Perlis dan tiga sekolah di Kota Bharu Kelantan menunjukkan peningkatan yang baik dalam skor ujian pasca kecerdasan pelbagai, kemahiran berfikir dan penyelesaian masalah berbanding ujian pra.

Manakala hasil temu bual guru dan pelajar di semua sekolah yang menggunakan aplikasi ini menunjukkan maklum balas positif terhadap pembinaan *Multiple Intelligences & Thinking Skills Activities Flip Module*.

Malah guru dan pelajar bersetuju bahawa aplikasi ini menguji kecerdasan pelbagai dan kemahiran berfikir pelajar melalui aktiviti penyelesaian masalah selain mencadangkan agar aplikasi ini digunakan secara menyeluruh di semua sekolah di Malaysia.





Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.